

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN  
BAHAROM [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 17 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6498**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari Bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan supaya memberikan perhatian serius kepada penyalahgunaan daun ketum di kalangan masyarakat. Apakah ada usaha pihak KDN untuk memasukkan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya. Berapa bilangan mereka yang ditangkap dan didakwa dan apakah denda / hukuman yang telah dikenakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pokok ketum telah diisytiharkan sebagai bahan larangan mulai 1 Januari 2003 kerana ia mengandungi bahan psikoaktif iaitu *mitragynine* yang berupaya menjadikan seseorang itu berasa ketagihan. *Mitragynine* telah disenaraikan di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 (Akta 366).

Kerajaan sedar bahawa gejala penyalahgunaan daun ketum di kalangan masyarakat menyamai gejala penyalahgunaan dadah yang turut menyumbang kepada jenayah-jenayah lain. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sedang dalam usaha untuk mewujudkan satu undang-undang baru bagi memperketatkan lagi kawalan ke atas daun ketum. Akta Farmasi yang kini berada dalam peringkat akhir penyediaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengandungi peruntukan berhubung kesalahan memiliki daun ketum, menanam pokok ketum serta larangan menggunakan premis untuk mengendalikan pokok ketum. Hukuman yang lebih berat iaitu denda yang lebih tinggi dan tempoh hukuman penjara yang lebih panjang juga akan dikenakan kepada mereka yang terlibat.

Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan air daun ketum mulai tahun 2004 hingga

2007. Selepas tahun 2007, penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan daun ketum telah diambil alih oleh JSJN, PDRM memandangkan kes-kes ini turut melibatkan tangkapan penagih dan pengedar dadah.

Berdasarkan rekod JSJN, PDRM, sejumlah 6,534 orang telah ditangkap dari tahun 2009 sehingga bulan Januari 2014. Pecahan tangkapan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>TANGKAPAN (orang)</b>
<b>2009</b>	<b>838</b>
<b>2010</b>	<b>1,040</b>
<b>2011</b>	<b>1,224</b>
<b>2012</b>	<b>1,445</b>
<b>2013</b>	<b>1,708</b>
<b>2014 (Januari)</b>	<b>279</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>6,534</b>

Berdasarkan rekod JSJN, PDRM juga, sejumlah 4,963 kes telah dibuka dan sejumlah 3,333 kes telah dituduh dari tahun 2009 hingga 2013. Pecahan kes dibuka dan dituduh adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KES DIBUKA</b>	<b>KES DITUDUH</b>
<b>2009</b>	<b>703</b>	<b>500</b>
<b>2010</b>	<b>829</b>	<b>546</b>
<b>2011</b>	<b>934</b>	<b>629</b>
<b>2012</b>	<b>1,198</b>	<b>852</b>
<b>2013</b>	<b>1,299</b>	<b>806</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4,963</b>	<b>3,333</b>

**Di bawah Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952 (Akta 366), sesiapa yang mengimport, mengeksport, mengeluarkan, memproses, memiliki, membekal atau menggunakan bahan psikoaktif yang tersenarai di bawah Jadual Ketiga adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara tidak melebihi empat (4) tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.**